**Kertas Bil. 61/2022**

MAKLUM BALAS PENYATA YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT KEDUA PENGGAL KELIMA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS PADA 25 – 29 JULAI DAN 1 – 2 OGOS 2022

---

# PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI PEJABAT DAERAH DAN TANAH (JP-PADAT) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR MENGENAI ISU BERKENAAN KAEDAH PENGIRAAN CUKAI TANAH BERDASARKAN NILAI PASARAN DI NEGERI SELANGOR

KERTAS BILANGAN 32/2022

---

**MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH (JP-PADAT) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR MENGENAI ISU BERKENAAN KAEDAH PENGIRAAN CUKAI TANAH BERDASARKAN NILAI PASARAN DI NEGERI SELANGOR YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT KEDUA PENGGAL KELIMA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS PADA 25 JULAI – 29 JULAI 2022 DAN 01 OGOS – 02 OGOS 2022**

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Kertas Mesyuarat Bil 32 / 2022 | **PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH (JP-PADAT) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR MENGENAI ISU BERKENAAN KAEDAH PENGIRAAN CUKAI TANAH BERDASARKAN NILAI PASARAN DI NEGERI SELANGOR** | 7.1 | JP-PADAT menyarankan agar PTGS membuat penelitian dan kajian dengan merujuk kepada kaedah pengiraan yang digunapakai di luar negara supaya suatu kaedah yang bersesuaian dapat dicadangkan tanpa menjejaskan hasil kutipan Kerajaan Negeri seperti yang telah diunjurkan setiap tahun. | | √ | Cukai tanah/ petak dan cukai taksiran merupakan cukai yang perlu dijelaskan oleh semua pemilik hartanah di Negeri Selangor. Asas penilaian bagi kedua-dua jenis cukai ini adalah berbeza seperti berikut:<br><br>Cukai tanah/Cukai petak:<br>Pengiraan berasaskan mengikut jenis dan kegunaan tanah serta tertakluk kepada peruntukkan Kanun Tanah Negara 1965.<br><br>Cukai Taksiran:<br>Dinilai berdasarkan anggaran nilai sewa tahunan mengikut jenis dan spesifikasi hartanah yang dimiliki.<br><br>Kedua-dua jenis cukai akan dikira mengikut kaedah pengiraan dan peratusan yang bersesuaian supaya pengenaan cukai tidak membebankan rakyat. |
| | | 7.2 | Sekiranya cadangan ini dilaksanakan kelak, JP-PADAT menyarankan agar satu kaedah peratusan yang sesuai dikenakan supaya sebarang kenaikan kadar cukai tidak terlalu membebankan pembayar cukai. | | √ | |

YAB DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI
S.P.M.S
DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

**MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH (JP-PADAT) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR MENGENAI ISU BERKENAAN KAEDAH PENGIRAAN CUKAI TANAH BERDASARKAN NILAI PASARAN DI NEGERI SELANGOR YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT KEDUA PENGGAL KELIMA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS PADA 25 JULAI – 29 JULAI 2022 DAN 01 OGOS – 02 OGOS 2022**

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | 7.3 | JP-PADAT menyarankan agar Kerajaan Negeri mewujudkan satu sistem kiraan cukai tanah berdasarkan peratusan nilai pasaran tanah berbanding satu jadual per meter persegi ($m^2$) yang tidak mengambilkira perbezaan nilai tanah di sesebuah bandar/daerah. | | √ | Kaedah pengiraan cukai yang digunapakai di luar negara adalah berdasarkan peratusan nilai pasaran tanah atau anggaran nilai sewa tahunan. Pengenaan cukai tanah atau dikenali sebagai “land tax” atau “property tax” bukan sahaja dikenakan atas timbal balas penggunaan tanah tetapi turut dikira bersekali dengan lain-lain caj yang dirasakan perlu untuk menampung kos membangun dan mengekalkan infrastruktur dan perkhidmatan tempatan.<br><br>Pemilik hartanah di luar negara hanya dikenakan 1 jenis cukai sahaja berbanding pemilik hartanah di Negeri Selangor yang perlu menjelaskan cukai secara berasingan iaitu cukai tanah/cukai petak kepada PTGS/PDT dan cukai taksiran kepada PBT disebabkan oleh berbeza pentadbiran dan peruntukkan undang-undang.<br><br>Kesimpulannya, cadangan untuk pengiraan cukai tanah mengikut |
| | | 7.4 | JP-PADAT menyarankan agar Kerajaan Negeri berusaha dan mengambil langkah konkrit ke arah pelaksanaan sistem kiraan cukai Tanah melalui perbincangan bersama Majlis Tanah Negara memandangkan cadangan ini tidak dapat diputuskan sendiri oleh Kerajaan Negeri. | | √ | |

YAB DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI
S.P.M.S
DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

**MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH (JP-PADAT) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR MENGENAI ISU BERKENAAN KAEDAH PENGIRAAN CUKAI TANAH BERDASARKAN NILAI PASARAN DI NEGERI SELANGOR YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT KEDUA PENGGAL KELIMA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS PADA 25 JULAI – 29 JULAI 2022 DAN 01 OGOS – 02 OGOS 2022**

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | kaedah pengiraan di luar negara memerlukan pindaan kepada peruntukkan perundangan sediada. Undang-undang yang berkaitan dengan cukai tanah dan cukai taksiran adalah tertakluk di bawah bidang kuasa Parlimen dan memerlukan kelulusan di peringkat Kerajaan Persekutuan. |

YAB DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI
S.P.M.S
DATO' MENTERI BESAR SELANGOR